# PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *FI SABĪLILLAH* DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

**MOHD SHUZAINI BIN SOIB**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2025**

# PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *FI SABĪLILLAH* DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

**oleh**

**MOHD SHUZAINI BIN SOIB**

**Tesis ini diserahkan untuk**
**memenuhi keperluan bagi**
**Ijazah Doktor Falsafah**

**April 2025**

# PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa hasil kerja ini adalah dari hasil kerja saya sendiri kecuali mana-mana nukilan atau ringkasan yang setiap satunya dijelaskan sumbernya.

17 April 2025

MOHD SHUZAINI BIN SOIB

PHD0040/2

# PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Segala puji-pujian selayaknya hanya bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Kesyukuran yang tidak terhingga dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan taufik, hidayah dan inayatnya, penulis berjaya menyiapkan dan menyempurnakan kajian ini.

Di kesempatan ini juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada yang berbahagia Prof. Madya Dr. Jasni bin Sulong selaku penyelia yang mencurahkan segala ilmu, tunjuk ajar, teguran, nasihat dan bimbingan sehingga penyelidikan ini berjaya diselesaikan. Penghargaan istimewa ini khas buat bonda tersayang Almarhumah Che Piah binti Ismail dan ayahanda tersayang Almarhum Soib bin Esu yang menjadi sumber kekuatan buat diri ini untuk terus menimba ilmu, memberi didikan sehingga diriku mengenali Allah SWT dan menyemai agama dalam kehidupan ini. Semoga baktimu mendapat ganjaran syurga daripada Allah SWT.

Buat isteri tercinta Hamidah binti Ishak, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kerana terus-menerus memberi sokongan dan dukungan buat suamimu dan mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang dalam kesibukan suamimu. Buat anak-anak tersayang Anis Amaani, Anis `Aqilah, Ahmad Amsyar dan Anis Afiqah, ayah ucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan doa daripada kalian semua untuk ayah dalam menjayakan pengajian ini. Semoga penulisan ini dapat memberi sedikit sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat di negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya.

# ISI KANDUNGAN

**PENGHARGAAN** .......... **ii**
**ISI KANDUNGAN** .......... **iii**
**SENARAI JADUAL** .......... **vii**
**SENARAI RAJAH** .......... **ix**
**JADUAL TRANSLITERASI** .......... **xi**
**SENARAI SINGKATAN** .......... **xv**
**SENARAI STATUT** .......... **xvii**
**SENARAI LAMPIRAN** .......... **xviii**
**ABSTRAK** .......... **xix**
**BAB 1 PENDAHULUAN** .......... **1**
1.1 Pengenalan .......... 1
1.2 Latar Belakang Kajian .......... 2
1.3 Masalah Kajian .......... 8
1.4 Persoalan Kajian .......... 13
1.5 Objektif Kajian .......... 14
1.6 Kepentingan Kajian .......... 14
1.7 Skop Kajian .......... 16
1.7 Sorotan Kajian Lepas .......... 17
1.9 Metodologi Kajian .......... 39
1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data .......... 40
1.9.2 Kaedah Analisis Data .......... 44
1.10 Kesimpulan .......... 46
**BAB 2 KONSEP *FI SABĪLILLAH* MENURUT PANDANGAN ULAMA** .......... **48**
2.1 Pengenalan .......... 48
2.2 Definisi Zakat Dalam Islam .......... 49
2.2.1 Pengertian Zakat Pada Bahasa .......... 49
2.2.2 Pengertian Zakat Pada Istilah .......... 49
2.3 Undang-Undang Zakat Pada Zaman Rasulullah SAW .......... 51
2.3.1 Peringkat Mekah .......... 51
2.3.2 Peringkat Madinah .......... 54
2.4 Pentadbiran Zakat dan Asnaf *Fi Sabīlillah* pada Zaman Rasulullah SAW .......... 58

2.5 Undang-Undang Zakat dan Asnaf *Fi sabīlillah* pada Zaman *Khulafa` Al-Rasyidin* ..... 66
2.6 Orang Yang Berhak Menerima Zakat (Asnaf Zakat) ..... 75
2.6.1 Fakir ..... 78
2.6.2 Miskin ..... 79
2.6.3 Amil ..... 81
2.6.4 Mualaf ..... 82
2.6.5 *Al-Riqāb* ..... 86
2.6.6 *Al-Ghārimīn* ..... 87
2.6.7 *Ibn al-Sabīl* ..... 88
2.6.8 *Fi sabīlillah* ..... 90
2.7 Pentakrifan *Fi Sabīlillah* di Negara Islam Terpilih dan Negeri-Negeri di Malaysia ..... 109
2.8 Kesimpulan ..... 119
**BAB 3 SEJARAH PENTADBIRAN ZAKAT DAN ASNAF *FI SABĪLILLAH*DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH ..... 122**
3.1 Pengenalan ..... 122
3.2 Kedatangan Islam Ke Negeri Kedah ..... 122
3.3 Pentadbiran Zakat di Tanah Melayu ..... 127
3.4 Perundangan Zakat di Malaysia Selepas Merdeka ..... 137
3.5 Undang-Undang Kedah Berkaitan Zakat ..... 139
3.5.1 Perundangan Zakat dalam Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1625-1651M) ..... 140
3.5.2 Undang-Undang Tembera Dato` Seri Paduka Tuan (1667M) ..... 143
3.6 Sejarah Sebelum Penggubalan Undang-Undang Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah ..... 147
3.6.1 Perhimpunan Zakat Dan Sedekah Orang-Orang Islam Kedah 1936M149
3.6.2 Enakmen Zakat Tahun 1374 H (1955M) ..... 152
3.6.3 Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1962 ..... 155
3.6.4 Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1982 ..... 158
3.6.5 Peraturan-Peraturan Zakat 1988 ..... 162
3.6.6 Peraturan-Peraturan Zakat 1997 ..... 165
3.7 Jabatan Zakat Negeri Kedah ..... 168
3.7.1 Objektif Jabatan Zakat Negeri Kedah ..... 172
3.7.2 Visi dan Misi Jabatan Zakat Negeri Kedah ..... 173
3.7.3 Struktur Organisasi Jabatan Zakat Negeri Kedah ..... 174

3.7.4 Senarai Pengerusi Komiti Atau Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah .. 176
3.7.5 Sistem Pengurusan Zakat Di Negeri Kedah ...................................... 179
3.7.6 Penerokaan Baru Dalam Kutipan Zakat ............................................ 179
3.7.7 Kutipan Jabatan Zakat Negeri Kedah ............................................... 182
3.7.8 Agihan Zakat Jabatan Zakat Negeri Kedah ...................................... 183
3.7.9 Pendekatan Agihan Kepada Asnaf *Fi Sabīlillah* Di Jabatan Zakat Negeri Kedah ...................................................................................... 186
3.7.10 Pemantauan Oleh Pegawai Agihan .................................................. 190
3.7.11 Peranan Institusi Fatwa Dalam Penetapan Bantuan Kepada Asnaf *Fi sabīlillah* ......................................................................................... 191
3.7.12 Kemudahan Perkhidmatan Yang Ditawarkan .................................... 195
3.8 Penguatkuasaan Undang-Undang di Jabatan Zakat Negeri Kedah ................ 198
3.8.1 Jenis-Jenis Kesalahan yang Boleh Didakwa dan Hukuman ke Atas Kesalahan-Kesalahan di Bawah Enakmen Zakat Negeri Kedah 1374h (1955m) ..................................................................................... 199
3.8.2 Kes-Kes yang Didakwa di Mahkamah ............................................... 201
3.9 Peranan Dakwah dan Fungsi Jabatan Zakat Negeri Kedah ........................... 209
3.10 Pembinaan Menara Zakat ................................................................. 213
3.11 Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) .................................................. 218
3.11.1 Visi & Misi LZNK ........................................................................ 221
3.11.2 Piagam Pelanggan LZNK ............................................................... 221
3.11.3 Organisasi LZNK ......................................................................... 222
3.12 Kesan Entiti Berasingan *(Separate Legal Entity)* .................................. 225
3.13 Kutipan LZNK Dari Tahun 2018 - 2021 ................................................ 226
3.14 Agihan LZNK Dari tahun 2018 - 2021 ................................................. 230
3.15 Kesimpulan ..................................................................................... 232
**BAB 4 ANALISIS AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *FI SABĪLILLAH* DI NEGERI KEDAH DAN NEGERI-NEGERI TERPILIH .......... 234**
4.1 Pengenalan ...................................................................................... 234
4.2 Agihan LZNK Dari Tahun 2015 Hingga Tahun 2020 ................................. 235
4.3 Kedudukan Agihan Zakat Bagi Setiap Asnaf di Negeri Kedah ..................... 239
4.4 Agihan Zakat Kepada Asnaf *Fi sabīlillah* di Negeri Kedah Dari Tahun 2015 Hingga Tahun 2020 ............................................................................ 247
4.5 Agihan Zakat kepada Asnaf *Fi Sabīlillah* Mengikut Daerah Di Negeri Kedah ..................................................................................................257
4.6 Skim-Skim Agihan Kepada Asnaf *Fi sabīlillah* Mengikut Kategori ............. 278

4.7 Skim Agihan Zakat kepada Asnaf *Fi Sabīlillah* di Negeri Kedah Mengikut Jenis ........ 281
4.8 Perkembangan Agihan Zakat kepada Asnaf *Fi Sabīlillah* di Negeri Kedah dari Tahun 2015 hingga 2020 ........ 299
4.9 Skim Bantuan Zakat Kepada Asnaf *Fi sabīlillah* di Negeri Kedah dan Negeri-Negeri Mengikut Zon Di Malaysia ........ 305
4.9.1 Bantuan Pembinaan Institusi ........ 307
4.9.2 Bantuan Aktiviti Masjid ........ 309
4.9.3 Bantuan Institusi Agama Islam ........ 312
4.9.4 Bantuan Aktiviti Dakwah ........ 316
4.9.5 Bantuan Aktiviti Pendidikan ........ 317
4.9.6 Bantuan Aktiviti Pembangunan Sosial ........ 322
4.9.7 Analisis Perbandingan Agihan Zakat kepada Asnaf *Fi sabīlillah* Bagi Negeri Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah. ........ 325
4.9.8 Peranan Institusi Fatwa Dalam Penetapan Bantuan Kepada Asnaf *Fi sabīlillah* ........ 332
4.9.9 Jumlah Agihan kepada Asnaf *Fi Sabīlillah* Bagi Negeri Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah dari Tahun 2019 dan 2020 ...... 336
4.10 Kesimpulan ........ 341
**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN ........ 343**
5.1 Pengenalan ........ 343
5.2 Rumusan ........ 343
5.3 Cadangan ........ 358
5.3.1 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ........ 358
5.3.2 Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah ........ 359
5.3.3 Lembaga Zakat Negeri Kedah ........ 359
5.3.4 Institusi Zakat Negeri-Negeri ........ 361
5.3.5 Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ........ 361
5.3.6 Penyelidikan Akan Datang ........ 361
5.4 Kesimpulan ........ 362
**BIBLIOGRAFI ........ 363**
**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

**Halaman**

Jadual 2. 1 Takrif fi sabīlillah bagi beberapa badan dari beberapa negara .......... 110

Jadual 2. 2 Takrif Fi sabīlillah bagi negeri-negeri di Malaysia........................... 112

Jadual 3. 1 Senarai Pengerusi Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah....................... 176

Jadual 3. 2 Senarai Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah ..................... 178

Jadual 3.3 Kutipan Zakat JZNK Tahun 2006-2009 ........................................... 182

Jadual 3.4 Agihan Zakat Mengikut Asnaf Dari Tahun 2006 Sehingga Tahun 2009. ................................................................................................ 183

Jadual 3.5 Senarai Pengerusi LZNK .................................................................. 220

Jadual 3. 6 Senarai Ketua Pegawai Esekutif LZNK............................................. 220

Jadual 3. 7 Jadual Kutipan LZNK 2018-2021..................................................... 227

Jadual 3. 8 Bilangan Pembayar LZNK................................................................ 229

Jadual 3. 9 Agihan Lembaga Zakat Negeri Kedah 2018-2021 ............................ 230

Jadual 4. 1 Jumlah Perbezaan Agihan Zakat Bagi Semua Asnaf (dikira tahun sebelumnya) ......................................................................... 237

Jadual 4. 2 Kedudukan Agihan Zakat Bagi Setiap Asnaf ................................... 240

Jadual 4. 3 Peratus Agihan Kepada Asnaf-Asnaf Dari Tahun 2015-2020........... 241

Jadual 4. 4 Perbezaan Agihan Zakat (RM) Berbanding Tahun Sebelumnya Bagi 14 Daerah ........................................................................................ 263

Jadual 4. 5 Perbezaan Agihan Zakat (%) Berbanding Tahun Sebelumnya Bagi 14 Daerah ........................................................................................ 264

Jadual 4. 6 Kedudukan Daerah Mengikut Jumlah Agihan.................................. 270

Jadual 4. 7 Sumbangan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fi sabīlillah Dan Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat Bagi Tahun 2015-2020 ........................ 274
Jadual 4. 8 Jumlah Agihan Zakat Mengikut Kategori Dari Tahun 2015-2020 .... 278
Jadual 4. 9 Jumlah Agihan Zakat Mengikut Jenis Dari Tahun 2015-2020 .......... 280
Jadual 4. 10 Perkembangan Agihan Zakat Fi sabīlillah 2015 -2020 ..................... 299
Jadual 4. 11 Bantuan Pembinaan Institusi ........................................................... 308
Jadual 4. 12 Bantuan Aktiviti Masjid ................................................................... 310
Jadual 4. 13 Bantuan Institusi Agama Islam ........................................................ 312
Jadual 4. 14 Bantuan Aktiviti Dakwah ................................................................. 316
Jadual 4. 15 Aktiviti Pendidikan .......................................................................... 318
Jadual 4. 16 Aktiviti Pembangunan Sosial ........................................................... 322
Jadual 4. 17 Agihan Asnaf Fi Sabīlillah Bagi Negeri Kedah, Selangor, Johor, Kelantan Dan Sabah Dari Tahun 2019 Dan 2020 .............................. 336
Jadual 5. 1 Peratus Agihan Kepada Asnaf-Asnaf Dari Tahun 2015-2020 ........... 355
Jadual 5. 2 Jumlah Agihan Zakat Mengikut Kategori Dari Tahun 2015-2020 .... 356

## SENARAI RAJAH

**Halaman**

Rajah 3. 1 Penggubalan Enakmen Zakat Negeri Kedah.................................... 167

Rajah 3. 2 Carta Organisasi Urus Tadbir Jabatan Zakat Negeri Kedah............. 172

Rajah 3. 3 Carta Organisasi Jabatan Zakat Negeri Kedah.................................. 175

Rajah 3. 4 Carta Organisasi Pejabat Zakat Daerah............................................ 224

Rajah 4. 1 Agihan Zakat Bagi Semua Asnaf Dari Tahun 2015-2020 ................ 236

Rajah 4. 2 Aliran Jumlah Perbezaan Jumlah Agihan Zakat Bagi Semua Asnaf (RM)........................................................................................ 238

Rajah 4. 3 Aliran Jumlah Perbezaan Peratus Agihan Zakat Bagi Semua Asnaf (%) ........................................................................................ 239

Rajah 4. 4 Agihan Zakat Kepada Asnaf-Asnaf Dari Tahun 2015-2020............. 241

Rajah 4. 5 Agihan Zakat Kepada Fi sabīlillah Dari Tahun 2015-2020............... 248

Rajah 4. 6 Agihan Zakat Kepada Asnaf *Fi sabīlillah* Mengikut Daerah Dari Tahun 2015 -2020 ........................................................................ 260

Rajah 4. 7 Kedudukan (%) Bagi 14 Daerah Mengikut Jumlah Agihan .............. 269

Rajah 4. 8 Jumlah Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi sabīlillah Dari Tahun 2015-2020......................................................................................... 277

Rajah 4. 9 Agihan Zakat Asnaf Fi Sabīlillah Bagi Tahun 2015.......................... 282

Rajah 4. 10 Agihan Zakat Asnaf Fi Sabīlillah Bagi Tahun 2016.......................... 284

Rajah 4. 11 Agihan Zakat Asnaf Fi Sabīlillah Bagi Tahun 2017.......................... 287

Rajah 4. 12 Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi Sabīlillah Bagi Tahun 2018............. 290

Rajah 4. 13 Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi Sabīlillah Bagi Tahun 2019............. 293

Rajah 4. 14 Agihan Zakat Asnaf Fi Sabīlillah Bagi Tahun 2020.......................... 296

Rajah 4. 15 Perbezaan Agihan Mengikut Negeri dan Tahun ................................ 338

**JADUAL TRANSLITERASI**

**1. <u>Konsonan</u>**

| Huruf Arab | Huruf Rumi | Contoh Asal | Contoh Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ا | - | | |
| ب | b | بدل | badala |
| ت | t | تمر | tamr |
| ث | th | ثورة | thawrah |
| ج | j | جمال | jamal |
| ح | ḥ | حديث | hadith |
| خ | kh | خالد | Khalid |
| د | d | ديوان | diwan |
| ذ | dh | مذهب | madhhab |
| ر | r | رحمن | Rahman |
| ز | z | زمزم | zamzam |
| س | s | سراب | sarab |
| ش | sh | شمس | shams |
| ص | ṣ | صبر | sabr |

| | | | |
|---|---|---|---|
| ض | ḍ | | damir |
| ط | t | طاهر | tahir |
| ظ | z | ظهر | ضمير zuhr |
| ع | ‘ | عبد | 'abd |
| غ | gh | غيب | ghayb |
| ف | f | فقه | fiqh |
| ق | q | قاضي | qadi |
| ك | k | كأس | ka’s |
| ل | l | لبن | laban |
| م | m | مزمار | mizmar |
| ن | n | نوم | nawm |
| و | w | وصل | wasl |
| ه | h | هبط | habata |
| ء | ’ | سأل | sa’ala |
| ي | y | يسار | yasar |
| ة | ah* | المكتبة | maktabah |

* Huruf Arab ة ، ـة (ta marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’.

Contoh : وزارة التعليم , transliterasi: wizarat al-ta'lim, bukannya wizarah al-ta'lim.

Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta marbutah ditransliterasikan kepada 'h'.

| **Contoh:** | **Trasliterasi:** |
|---|---|
| المكتبة الأهلية | al-Maktabah al-Ahliyyah |
| قلعة | qal'ah |
| دار وهبة | Dār Wahbah |

## 2. Vokal Pendek

| **Huruf Arab** | **Huruf Rumi** | **Contoh Asal** | **Contoh Transliterasi** |
|---|---|---|---|
| ـَ | a | فعل | fa'ala |
| ـِ | i | حسب | hasiba |
| ـُ | u | كتب | kutiba |

## 3. Vokal Panjang

| **Huruf Arab** | **Huruf Rumi** | **Contoh Asal** | **Contoh Transliterasi** |
|---|---|---|---|
| ا ، ي | a | كاتب ، قضى | katib,qada |
| ي | i | كريم | karim |
| و | u | حروف | huruf |

4. **Diftong**

| Huruf Arab | Huruf Rumi | Contoh Transliterasi |
|---|---|---|
| وْ | قَوْل | qawl |
| يْ | سيْف | sayf |
| ي | رجعي | raj'iyy/raj'i |
| و | عدو | 'aduww/a'du |

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| BBG | Biro Bantuan Guaman |
| CBP | Cukai Barang dan Perkhidmatan |
| cet | Cetakan |
| DBP | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| DUN | Dewan Undangan Negeri |
| ELZNKDA | Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darulaman |
| H | Hijrah |
| HKK | Hukum Kanun Kedah |
| hlm | Halaman |
| IPT | Institusi Pengajian Tinggi |
| IPTA | Institusi Pengajian Tinggi Awam |
| IQDĀR | Institut Al-Quran Darul Aman |
| JAIN | Jabatan Agama Islam Negeri |
| JAWHAR | Jabatan Wakaf Zakat dan Haji |
| JZK | Jabatan Zakat Kedah |
| KAFA | Kelas Asas Fardhu `Ain |
| KDYMM | Ke bawah Duli Yang Maha Mulia |
| KIAS | Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra |
| LHDN | Lembaga Hasil Dalam Negeri |
| LZNK | Lembaga Zakat Negeri Kedah |
| LZS | Lembaga Zakat Selangor |
| M | Masihi |
| MAIK | Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan |

| | |
|---|---|
| MAIN | Majlis Agama Islam Negeri |
| MAINJ | Majlis Agama Islam Negeri Johor |
| MAIS | Majlis Agama Islam Selangor |
| MAIWP | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan |
| MUIS | Majlis Ugama Islam Sabah |
| PKZ | Pusat Kutipan Zakat Pahang |
| PUSBA | Pusat Saudara Baru |
| PUZ | Pusat Urus Zakat Pulau Pinang |
| PZM | Pusat Zakat Melaka |
| PZNA | Pusat Zakat Negeri Sembilan |
| QS | Quran Surah |
| RA | RadhiyaAllhu `Anhu |
| SAW | Sallahu alaihi wasallam |
| SWT | Subhanahu wata`ala |
| Terj | Terjemahan |
| UnisSHAM | Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah |
| YDPA | Yang Dipertuan Agong |
| YIK | Yayasan Islam Kelantan |
| ZPP | Zakat Pulau Pinang |

## SENARAI STATUT

Perlembagaan Persekutuan Jadual 9 Senarai ke 2

Enakmen Zakat Kedah 1955. Enakmen No.4 Tahun 1955

Enakmen Acara Jenayah Syariah Negeri Kedah 1988. Enakmen No. 3 Tahun1988

Enakmen Zakat Dan Fitrah Negeri Sabah 1993. Enakmen No. 6 Tahun 1993

Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994. Enakmen No. 4 Tahun 1994

Enakmen Majlis Agama Islam Negeri Johor 2003. Enakmen No.16 Tahun 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003. Enakmen No. 1 Tahun 2003

Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah Darul Aman 2008. Enakmen No. 6 Tahun 2008

Emakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah 2015. Enakmen No.23 Tahun 2015

Peraturan-Peraturan Zakat Kedah Tahun 1962

Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Johor 1962

Peraturan-Peraturan Zakat Kedah Tahun 1982

Peraturan-Peraturan Zakat Kedah Tahun 1988

Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Selangor 2012

## SENARAI LAMPIRAN

| | |
|---|---|
| Lampiran A | Carta organisasi Lembaga Zakat Negeri Kedah |
| Lampiran B | Senarai Sultan Negeri Kedah Darul Aman |
| Lampiran C | Soalan-soalan temu bual |
| Lampiran D | Surat permohonan menjalankan kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah |
| Lampiran E | Gambar-gambar semasa menjalankan kajian |

**PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *FI SABĪLILLAH* DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

## ABSTRAK

Zakat merupakan sumber ekonomi umat Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ummah. Umat Islam pada hari ini, sering dihimpit dengan pelbagai masalah dan cabaran sama ada dalam aspek ekonomi, politik, pendidikan dan juga sosial. Penafsiran *fi sabīlillah* yang berbeza-beza menyebabkan berlaku kekaburan dalam agihan sehingga dana zakat dilihat tidak dapat digunakan secara efektif dalam membangunkan masyarakat. Hal ini dirumitkan lagi dengan masyarakat yang kurang kesedaran tentang pentingnya asnaf *fi sabīlillah* dan masih ramai tidak percaya serta tidak menyedari peranan, kewujudan serta fungsi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sehingga menyebabkan timbul tanggapan negatif ke atasnya. Kaedah agihan kepada asnaf *fi sabīlillah* yang kurang sesuai dan tidak seimbang antara penyebab umat Islam hari ini turut terkebelakang sama ada dalam sektor ekonomi, pembangunan institusi pendidikan dan penguasaan golongan muda ke atas ilmu pengetahuan. Oleh itu, pengukuhan kepada asnaf *fi sabīlillah* menjadi pemangkin utama khususnya dalam memperkasakan sosial umat Islam pada satu-satu zaman. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji pandangan ulama berkaitan asnaf *fi sabīlillah*, sejarah penubuhan dan pentadbiran LZNK, serta menyelidik skim-skim bantuan di LZNK antara tahun 2015 sehingga 2020. Kajian ini dijalankan dengan metodologi kualitatif yang melibatkan proses pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan temu bual. Sementara kaedah analisis data pula menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Skop kajian tertumpu kepada asnaf *fi sabīlillah* dengan lokasi kajian di LZNK. Hasil kajian mendapati ulama berbeza pandangan tentang pendefinisian *fi sabīlillah* kepada tiga perspektif iaitu merujuk kepada jihad,

aktiviti-aktiviti meninggikan agama Islam dan semua perkara yang membawa kepada kemaslahatan Islam dan umatnya. Kajian juga mendapati pentakrifan *fi sabīlillah* yang diamalkan di LZNK bersifat umum iaitu semua perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada Islam keseluruhannya. Dalam perkembangan sepanjang tahun 2015 sehingga tahun 2020, LZNK telah melaksanakan sebanyak 50 skim bantuan kepada asnaf *fi sabīlillah* yang melibatkan enam kategori bantuan iaitu pembinaan institusi, aktiviti masjid dan surau, institusi agama Islam, aktiviti dakwah, aktiviti pendidikan dan aktiviti sosial. Kesuluruhannya, aktiviti pendidikan menjadi fokus utama LZNK dengan mendapat peruntukan tertinggi sepanjang tempoh enam tahun tersebut.

**IMPLEMENTATION OF ZAKAT DISTRIBUTION TO ASNAF *FI SABĪLILLAH* AT LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

## ABSTRACT

Zakat is an economic resource for Muslims that plays an important role in the development of the ummah. Muslims today are often squeezed by various problems and challenges, whether in economic, political, educational or social aspects. The different interpretations of fi sabīlillah cause ambiguity in distribution so that zakat funds are seen as not being able to be used effectively in developing society. This is further complicated by the community's lack of awareness of the importance of asnaf fi sabīlillah and many still do not trust and are not aware of the role, existence and function of the Kedah State Zakat Board (LZNK) resulting in negative perceptions of it. The method of distribution to asnaf fi sabīlillah that is not appropriate and unbalanced is one of the reasons why Muslims today are also lagging behind, whether in the economic sector, the development of educational institutions and the dominance of young people over knowledge. Therefore, strengthening asnaf fi sabīlillah is the main catalyst, especially in the social empowerment of Muslims in any given era. Therefore, this study aims to examine the views of scholars regarding asnaf fi sabīlillah, the history of the establishment and administration of LZNK, as well as researching assistance schemes at LZNK between 2015 and 2020. This study was conducted with a qualitative methodology involving the data collection process through literature review and interviews. Meanwhile, the data analysis method used inductive, deductive and comparative methods. The scope of the study focused on asnaf fi sabīlillah with the study location at LZNK. The results of the study found that scholars have different views on the definition of fi sabīlillah from three perspectives, namely referring to jihad, activities to elevate the religion of Islam and all matters that lead to the benefit

of Islam and its followers. The study also found that the definition of fi sabīlillah practiced at LZNK is general, namely all matters that can bring good to Islam as a whole. In the development throughout 2015 until 2020, LZNK has implemented 50 assistance schemes to asnaf fi sabīlillah involving six categories of assistance, namely institutional construction, mosque and surau activities, Islamic religious institutions, dakwah activities, educational activities and social activities. Overall, educational activities have been the main focus of LZNK by receiving the highest allocation throughout the six-year period.

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Zakat merupakan sumber utama kewangan dalam menjana ekonomi umat Islam, jika ditadbir urus dengan baik dan berkesan. Apabila zakat telah dikutip dari pembayar zakat dan terkumpul, manfaatnya akan diagihkan kepada lapan golongan yang berhak seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran iaitu golongan fakir, miskin, amil, *muallaf, al-riqāb, al-ghārimīn, ibnu al-sabīl* dan *fi sabīlillah*. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي
مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ

> Maksudnya: Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, para amil, orang yang dilunakkan hatinya (*muallaf*), untuk memerdekakan hamba sahaya, orang-orang berhutang dan orang-orang dijalan Allah. Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana".[1]

Terlalu ramai masyarakat awam masih mempertikaikan berkaitan agihan zakat kepada asnaf yang dilakukan oleh institusi zakat di Malaysia khususnya asnaf *fi sabīlillah.*[2] Justeru kajian ini akan memfokuskan hanya kepada asnaf *fi sabīlillah* sahaja dengan mendatangkan secara terperinci pendapat-pendapat ulama. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat bagaimana amalan dan pelaksanaan agihan zakat dan skim-skim yang dilaksanakan kepada asnaf *fi sabīlillah* oleh Lembaga Zakat

---

[1] Sheikh Adullah Basmeih, (1992). ***Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran***. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn Bhd. At-Taubah 9:60, hlm.443.

[2] Rabi`atul Solehah, Nurul Ilyana Muhd Adnan, (2018). ***Tafsiran dan Status Asnaf Fi sabilillah dalam Pengagihan Zakat.*** Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Science 12, Issue 1 (2018) 24-34.

Negeri Kedah (LZNK). Manakala bab yang pertama ini pula akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, masalah kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, metodologi kajian dan kesimpulan. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi kualitatif dengan menggunakan kaedah mengumpul dan menganalisis data-data yang diperolehi.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Zakat merupakan salah satu ibadah yang menghubungkan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan Allah SWT. Ibadah ini juga turut terkait dengan harta yang dimiliki, justeru mengandungi pelbagai hikmah dan manfaat yang sangat besar, kepada pemberi, penerima, harta yang dikeluarkan dan juga terhadap masyarakat keseluruhannya. Bahkan zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh seluruh umat Islam[3]. Islam bukan sahaja mewajibkan umatnya membayar zakat harta tetapi turut mewajibkan umatnya membayar zakat fitrah. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرۡكَعُواْ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ

> Maksudnya: dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan ruku`lah kamu semua (berjama`ah) bersama orang-orang yang ruku`.[4]

Sabda Nabi SAW:

بُنِيَ الإِسْلامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لا إِلَهَ إِلا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

> Maksudnya: Islam dibina atas lima perkara, bersaksi bahawa tiada tuhan yang layak disembah melaikan Allah dan sesungguhnya

---

[3] `Abdullah Nasih `Ulwan, (2007). ***Aẖkām al-Zakāh `ala Dawa` al-Maẕāhib al-Arba`ah***. Beirut: Dār al-Salām, hlm. 6; Didin Hafidhudin,2002. ***Zakat dalam perekonomian modern***. Jakarta: Gema Insan, hlm. 9-10.
[4] Sheikh Adullah Basmeih, (1992). Op.cit, Al- Baqarah 2:43, hlm.20.

> Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, membayar zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadan[5].

Justeru matlamat zakat bukan sahaja ibadah yang berbentuk pengabdian diri kepada Allah SWT sahaja, tetapi menjurus kepada hubungan antara manusia sesama manusia dalam bentuk tolong-menolong, iaitu golongan yang kaya membantu golongan yang memerlukan terutamanya golongan fakir dan miskin. Selain itu, zakat juga membawa motif perkongsian harta antara orang kaya dan golongan yang tidak bernasib baik serta merapatkan jurang sosial antara orang kaya dan orang miskin[6], hal ini bertepatan dengan apa yang diarahkan oleh Rasulullah SAW kepada Mu`az bin Jabal ketika baginda mengutuskan Mu`az bin Jabal ke Yaman dan berpesan dengan sabdanya:

أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عليهم صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِن أَغْنِيائِهِمْ فَتُرَدُّ فِي فُقَرائِهِمْ

> Maksudnya: Sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka agar mengeluarkan zakat harta mereka yang diambil dari orang-orang yang kaya di kalangan mereka dan diberikan kembali kepada orang-orang yang miskin di kalangan mereka[7].

Hadis di atas menunjukkan bahawa zakat itu adalah ibadah yang mempunyai hikmah dan objektifnya tersendiri, ia bukan sahaja dapat membantu golongan susah tetapi ia juga mampu melahirkan insan yang mempunyai sifat kemanusiaan yang tinggi, menghilangkan sifat bakhil atau kikir, rakus, kebendaan, memberikan ketenangan,

---

[5] Al-Bukhārī Abi `Abdullah Muhammad Ibn Ismail, (2002). ***Sahih al-Bukhārī***. Dimasyq: Dār Ibn Kathir, hlm. 21.
[6] Al-Qardawi Yūsuf (1995). ***Musykiāt al-Faqr Wa Kayfa `Alijuhā al-Islam***. Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 64. Shofian Ahmad & Amir Husin Mohd Nor, (2002). ***Zakat Membangun Ummah.*** Kuala Lumpur: Utusan Pulication & Distributors Sdn Bhd.hlm 21.
[7] Ibnu Hajar al-`Asqalānī (2015), ***Fathu al-Bārī Syarhu Sahih al-Bukhārī***, Juz. 3, ttp: al-Maktabah al-Islamiyyah, hlm.419.

membersihkan dan mengembangkan harta yang dimiliki. Zakat juga merupakan bukti keimanan kepada Allah SWT dan mensyukuri nikmatnya.[8]

Antara objektif yang terdapat dalam agihan zakat ialah untuk mengimbangi dan merapatkan perbezaan jurang ekonomi atau pendapatan dalam sesebuah masyarakat ke tahap yang paling minimum[9]. Menurut Hailani Muji Tahir, zakat mampu menjadi sebahagian polisi fiskal negara, boleh menjana kuasa beli masyarakat dan meningkatkan lagi kuasa beli negara[10]. Zakat juga boleh menjamin kestabilan ekonomi dalam keadaan inflasi dan deflasi serta mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah pembangunan negara.

Jika zakat dilihat dari sudut pembangunan dan kesejahteraan umat Islam pula, ia merupakan salah satu instrumen penyamarataan pendapatan. Apabila hasil zakat diurus dan dikelola dengan baik, ia dapat memungkinkan berlakunya pertumbuhan ekonomi dengan baik, sekali gus berlaku penyamarataan pendapatan, ataupun "*economic with equity*"[11]. Jika perancangan penggunaan dana zakat dilaksanakan secara teratur dan berkesan ianya mampu memajukan ekonomi umat Islam serta dapat menjadi salah satu sumber pendapatan kepada negara[12].

---

[8] Ruqiyyah Said Mat `Ali Muhammad, (1996). ***al-Zakāt wa Athāruha al-Tarbawi***. Disertasi sarjana al-Tarbiyyah Fi al-Islam, Jamiah al-Yarmuk, hlm 42-48; Shofian & Amir Husin, ***Zakat Membangun Ummah***, hlm.10-14.

[9] Zulkefly Abdul Karim, Mohd Azlah Shah Zaidi dan Hairunnizam Wahid, (2004). "***Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan Cabaran***" Dalam Hailani Muji Tahir, Abd Ghafar Ismail dan Zamzuri Zakaria (penyunting) Prosiding Muzakarah Pakar Zakat. Kumpulan Kajian Zakat UKM: Universiti Press Sdn Bhd, hlm. 79-94.

[10] Hailani Muji Tahir, (2004). "***Kedudukan Illah, Nisāb, Kadar dan Haul Dalam Menjana Sumber Zakat Korporat.*** the Proceeding of Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru. Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia. 2004.

[11] Ahmad Muflih Saefuddin, (1986**)**. ***Pengelolaan Zakat Ditinjau Dari Aspek Ekonomi***. Bontang: Badan Dakwah Islamiyyah. hlm. 99.

[12] Hamizul Abdul Hamid, (2012). ***Ekslusif Zakat***.Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd, hlm. 9.

Menurut Mahmood Zuhdi Abd. Majid, objektif yang tersirat di dalam ibadah zakat adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil, saksama, menjamin agihan pendapatan yang seimbang, membasmi kemiskinan, menikmati kemakmuran ekonomi secara kolektif dan seterusnya membawa bekalan kehidupan pada hari akhirat kelak[13].

Apabila zakat dikaitkan dengan pembangunan ekonomi umat Islam, Joni Tamkin Borhan menyatakan bahawa ianya haruslah mempunyai keseimbangan antara material dan spritual, merangkumi pembangunan manusia, sosial, kebudayaan, meliputi akhlak, kerohanian termasuklah kebendaan, kualitatif dan kuantitatif, dalaman dan luaran. Pembangunan yang seimbang ini akan memberi kesan yang sangat positif kepada masyarakat untuk meningkatkan kualiti hidup, mampu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan kemiskinan, memenuhi keperluan asas manusia seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan[14]. Dapatlah disimpulkan di sini bahawa zakat sangat memainkan peranan penting dalam mengimbangi ekonomi umat Islam[15].

Sejarah Islam juga telah membuktikan bahawa zakat mempunyai peranan yang sangat besar dalam memperkasa kecemerlangan serta keseimbangan ekonomi dan sosial ummah. Dengan kata lain, zakat adalah merupakan mekanisma ampuh bagi menyelamatkan manusia dari kelaparan, menjamin keadilan sosio ekonomi dalam

---

[13] Mahmood Zuhdi Abd. Majid, (2003). ***Pengurusan Zakat***. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 32-37.
[14] Joni Tamkin Borhan, (2002). ***Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam***. Jurnal Syariah, 10;1, hlm. 71-88.
[15] Pranam Dhar, (2013). ***Zakat as a Measure of Scial Justice in Islamic Finance: An Accaountant`s Overvieu***. Journal of Emerging Economies and Islamic Research, 1 (1), diakses pada 10 Jun 2013 Dari http://www.jeeir.com/index.php/jeeir/article/vieu/35.

masyarakat dan menyediakan satu suasana yang membolehkan manusia memelihara kehormatan serta melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah SWT[16].

Di sini memperlihatkan bahawa Islam mempunyai mekanisma tersendiri yang sangat istimewa dan unik dalam usaha merealisasikan keseimbangan ekonomi antara orang kaya dan orang miskin, iaitu menerusi agihan semula kekayaan dari orang kaya kepada golongan miskin dari sumber zakat. Konsep agihan semula kekayaan dalam Islam ini, sudah tentulah berbeza dengan konsep agihan semula dengan aliran-aliran lain yang bukan Islam. Apabila konsepnya berbeza sudah tentu ciri-cirinya dan kaedah-kaedahnya juga berbeza dan juga usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan juga berbeza dengan aliran lain selain dari agama Islam.

Syariat Islam telah mewajibkan umatnya mengeluarkan zakat sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 43. Firman Allah SWT: [17]

وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرۡكَعُواْ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ

> Maksudnya: "dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan ruku`lah kamu semua (berjama`ah) bersama orang-orang yang ruku`".

Islam juga telah menetapkan secara jelas zakat hendaklah diberikan kepada golongan tertentu. Merujuk kepada firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 60, Wahbah al-Zuhaily menegaskan bahawa zakat wajib dikeluarkan kepada lapan golongan asnaf, tidak kira sama ada zakat fitrah ataupun zakat harta.

Firman Allah SWT:

---

[16] Patmawati Ibrahim, (2008). ***Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Emprikal***. Jurnal Syariah 16, no.1.hlm. 223-224.
[17] Sheikh Adullah Basmeih, (1992). Op.cit. Al- Baqarah 2:43, hlm.20.

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي ٱلرِّقَابِ
وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيم

> Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan, ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah, dan ingatlah Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana".[18]

Ayat di atas menerangkan secara jelas bahawa lapan golongan yang berhak menerima zakat iaitu mereka yang dinyatakan bedasarkan huruf *"lam"*. Penggunaan huruf *"lam"* di dalam ayat tersebut menyatakan orang-orang yang berhak menerima zakat, kemudian dihubungkan pula dengan penggunaan huruf *"wawu"* (yang bermaksud dan). Ini menunjukkan bahawa semua golongan yang berhak menerima zakat mempunyai hak yang sama rata. Justeru, semua bentuk zakat yang dikeluarkan menjadi milik semua kelompok asnaf dengan hak yang sama rata.[19]

Namun, jika zakat itu dibahagikan oleh pemerintah, agihan tersebut mestilah dibahagikan kepada lapan bahagian, dengan satu bahagian daripadanya adalah untuk pemungut zakat iaitu amil. Hal ini dikatakan demikian kerana bahagian ini adalah sebagai ganjaran dan upah di atas susah payah mereka berusaha memungut zakat. Manakala kelompok yang lain pula menerima zakat atas dasar kesamaan hak antara mereka[20]. Walau bagaimanapun, jika sekiranya zakat itu diagihkan sendiri oleh

---

[18] Sheikh Adullah Basmeih, (1992) op.cit. At-Taubah 9:60, hlm.443.
[19] Al-Zuhaily Wahbah, (1995). ***Zakat kajian Berbagai Mazhab*** (terj). Bandung: Remaja Rosdarkarya, hlm. 278.
[20] Ibid.

pemilik harta tersebut atau orang yang mewakilinya, maka gugurlah hak amil zakat tersebut. Walau bagaimanapun, jika sekiranya tujuh kelompok asnaf yang berbaki itu masih ada, pembahagian zakat tersebut hendaklah dibahagikan kepada ketujuh-tujuh kelompok tersebut. Tetapi jika tidak wujud, maka zakat bolehlah dibahagikan kepada kelompok yang ada sahaja.[21]

## 1.3 Masalah Kajian

Permasalahan pertama yang hendak dikaji ialah isu perbezaan dalam pentakrifan asnaf *fī sabīlillah* antara negeri-negeri yang menyebabkan berlakunya perbezaan tanggapan. Hal ini berlaku kerana pentakrifan ulama dalam menentukan *fī sabīlillah* juga berbeza-beza. Perbezaan ini menyebabkan kekaburan dalam agihan zakat sehingga dana zakat dilihat tidak digunakan secara efektif. Kalimah *fī sabīlillah* sepatutnya dilihat dengan erti kata jihad yang perlu dimanifestasikan sebagai berjuang di jalan Allah SWT dengan cara jihad menegakkan syiar Islam dalam pelbagai bentuk dan cara, supaya ia benar-benar berkesan.

Ditambah lagi pada masa ini umat Islam dihimpit dengan pelbagai masalah dan cabaran dalam aspek ekonomi, pendidikan dan juga aspek sosial (prasarana). Keadaan ini sangat memerlukan kepada satu sistem sokongan kemasyarakatan yang kukuh bagi mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan umat Islam.[22] Realiti sebenar di Malaysia tidak sama dengan negara-negara Arab. Keadaan ini dapat dilihat berikutan pelbagai ancaman dan masalah yang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia khususnya di negeri

---

[21] Ibid.

[22] Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman (2016). ***"Undang-Undang Pentadbiran dan Pengurusan Zakat di Malaysia: Perbandingan antara Enakmen Negeri-Negeri"*** (Prosiding, The 5th International Conference of Law and Society (ICLAS v), UNISZA Kuala Terengganu).

Kedah pada hari ini sangat rumit dengan pelbagai bentuk cabaran, antaranya gerakan kristianisasi yang semakin berleluasa dan mengancam akidah umat Islam.[23]

Masalah yang sama dihadapi oleh umat Islam di negeri Kedah yang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian. Cabaran-cabaran tersebut merangkumi aspek pembinaan institusi umat Islam, meningkatkan pendidikan, meningkatkan ekonomi dan sosial. Maka agihan zakat oleh LZNK dilihat lebih tertumpu kepada asnaf *fi sabīlillah* berbanding dengan asnaf-asnaf lain. Tumpuan ini dapat membasmi kemerosotan sosial dan mampu menjamin keadilan menerusi pengurangan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat.[24] Realitinya perspektif jihad pada hari ini perlu dilihat dengan skop yang lebih meluas berdasarkan pelbagai ancaman dan cabaran yang telah dinyatakan di atas. Justeru, pentaktifan *fi sabīlillah* perlu dikaji dengan melihat pandangan-pandangan ulama berkaitan penafsiran *fi sabīlillah* serta pemahaman *fi sabīlillah* yang diamalkan di LZNK serta empat negeri terpilih mengikut zon supaya agihan yang dilaksanakan mampu memberi kesan dalam mensejahterakan umat Islam.

Permasalahan kedua yang perlu dikaji ialah tentang kurangnya kesedaran masyarakat Islam di negeri Kedah dalam memahami tentang pentingnya asnaf *fi sabīlillah* yang menyebabkan mereka kurang memberi sokongan dan dokongan sehinggakan program yang dianjurkan tidak memberi impak yang maksimum.[25] Hal

---

[23] Hasanah Abd. Khafidz, (2011) ***Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif***. Pulau Pinang: ISDEV, hlm.223.
[24] Patmawati Ibrahim, (2008). ***"Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal", Jurnal Syariah***, 16(2): 223-224.
[25] Temu Bual Bersama En Abdul Hadi bin Majid, Pegawai Divisyen Agihan Lembaga Zakat Negeri Kedah pada 4 Julai 2023

ini disebabkan oleh mereka kurang percaya dengan institusi yang menguruskan zakat. Justeru, sejarah latar belakang penubuhan dan pentadbiran LZNK perlu dikaji. Sejarah ini penting untuk diketengahkan kepada masyarakat dalam keadaan tersusun dengan fakta-fakta yang jelas dan mudah difahami, hal ini kerana masih ramai masyarakat Islam di negeri Kedah sendiri tidak mengetahui tentang kewujudan, fungsi serta peranan LZNK. Keadaan ini menyebabkan timbulnya pelbagai tanggapan negatif dan persepsi buruk tehadap LZNK. Antara persoalan yang sering menjadi perbincangan di media sosial ialah kemana perginya duit zakat negeri Kedah dibelanjakan, pegawai zakat duduk saja, zakat kedah pengurusan tercorot, dan banyak lagi.[26] Keadaan ini berlaku disebabkan masyarakat tidak mengetahui institusi yang menguruskan zakat dan juga tidak mengetahui fungsi yang dimainkan oleh LZNK itu sendiri. Menurut kajian yang dijalankan ke atas 230 responden, untuk melihat tahap kepercayaan dan pengetahuan terhadap LZNK, didapati 47.8% memilih tahap sederhana tentang mempercayai dan mengetahui kewujudan dan fungsi LZNK, manakala 7.8% memilih tahap rendah. [27] Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat awam tidak mempunyai maklumat berkaitan LZNK atau maklumat tidak sampai kepada mereka.

Permasalahan ketiga yang perlu dikaji ialah masalah kurangnya kaedah atau skim bantuan kepada asnaf *fi sabīlillah,* yang sesuai dan berkesan dalam usaha meninggikan syiar Islam. Contoh keperluan umat Islam seperti penyediaan infrastruktur, pembangunan dakwah, penyediaan program yang berbentuk jihad ekonomi masyarakat dan sebagainya. Pengklasifikasian skim-skim bantuan kepada

---

[26] https://faisalmustaffa.wordpress.com/2016/06/26/pencerahan-persepsi-netizen-terhadap-zakat- kedah/: carian pada 21 May 2022

[27] Hafizah Zainal, Azizi Abu Bakar & Ram Al Jaffri Saad (2017). ***Tahap Kepercayaan Institusi Zakat Di Kedah.*** Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB) Vol. 1: No. 4 (September 2017) page 69-77.

asnaf *fi sabīlillah* juga dilihat tidak seimbang yang menyebabkan penggunaan dana zakat hanya tertumpu kepada sektor-sektor tertentu sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana dana zakat sepatutnya boleh dimanfaatkan melalui penyediaan infrastruktur, pembangunan ekonomi seperti penyediaan tempat perniagaan, bantuan jentera atau peralatan yang membolehkan lagi ekonomi umat berkembang lebih jauh. Penguasaan ekonomi juga merupakan jihad kerana dengan ekonomi serta kewangan yang kukuh akan menentukan kekuasaan sesebuah negara. Apabila sesebuah negara menguasai ekonomi, maka negara akan bebas daripada segala cengkaman kuasa asing.[28] Said Hawa turut berpandangan bahawa jihad ekonomi sangatlah penting berbanding dengan jihad-jihad lain seperti jihad lisan, jihad pendidikan, jihad dengan tangan dan jiwa serta jihad siasah. Hal ini dikatakan demikian kerana semua jihad memerlukan kepada harta.[29] Selain dari jihad ekonomi, pendidikan juga perlu diberi perhatian bagi tujuan meningkatkan lagi ekonomi umat Islam. Menurut Patmawati Ibrahim melalui penyediaan peluang-peluang perniagaan, keusahawanan serta penajaan pendidikan, sepatutnya dapat mengangkat ekonomi umat Islam ke tahap yang lebih baik.[30]

Pada hari ini juga umat Islam turut berhadapan dengan persaingan ekonomi yang hebat. Sektor ekonomi di Malaysia boleh dikatakan hampir semua dimonopolikan oleh bukan melayu Islam. Keadaan ini menyebabkan kebergantungan umat Islam yang keterlaluan terhadap kuasa ekonomi bukan Islam. Situasi ini diburukkan lagi dengan jurang pendapatan antara orang Islam dan orang bukan Islam yang sangat tinggi. Jika dilihat dalam sektor pendidikan pula, umat Islam hari ini

---

[28] https://www.yadim.com.my/v2/jihad-bukan-hanya-dengan-berperang/ Carian pada 21 May 2022.
[29] Saih Hawa, (1998). ***Jundullah Thaqafah wa-Akhlaqan***. Kaherah: Dar al-Salam, hlm.404.
[30] Patmawati Ibrahim, (2008). ***"Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal", Jurnal Syariah***, 16(2): 223-224.

semakin terkebelakang kerana kekurangan dana penganjuran pendidikan yang menyebabkan kebanyakan bidang kritikal dalam negara seperti bidang kedoktoran, kejuruteraan dan juga penyelidikan sains dan teknologi dikuasai oleh graduan bukan Islam.[31]

Apa yang mengejutkan juga, perangkaan menunjukkan bahawa setakat ini umat Islam yang mewakili lebih kurang 60 peratus penduduk negara ini hanya menguasai 20 peratus sahaja daripada ekonomi negara. Walaupun ini menunjukkan satu peningkatan di mana kita hanya menguasai lebih kurang 5 peratus sahaja ekonomi negara pada tahun 1970, namun peningkatan ini masih rendah berbanding kaum Cina yang menguasai 60 peratus daripada ekonomi.[32]

Kajian juga menunjukkan etnik Melayu masih jauh ketinggalan dalam aspek ekonomi termasuklah pegangan ekuiti, jika dibandingkan dengan etnik lain khususnya etnik Cina. Sehingga sekarang isu ketidakseimbangan ekonomi masih melatari sosioekonomi negara meskipun pelaksanaan DEB sudah puluhan tahun berakhir iaitu pada tahun 1990, namun masih terdapat beberapa ketaksamaan (*inequality*) atau jurang antara etnik. Misalnya dalam aspek pecahan kekayaan mengikut kelas asset kewangan dan pemilikan asset harta yang menunjukkan masih terdapat jurang antara etnik. Sebagai contoh pendapatan etnik Cina pada tahun 2009 melebihi 1.38 kali ganda berbanding dengan pendapatan kelompok Melayu (Bumiputera), begitu juga dengan pemilikan asset kewangan, lebih 72% rakyat Malaysia yang tidak memiliki asset kewangan terdiri daripada kelompok Melayu (Bumiputera), manakala etnik Cina 21%

---

[31] Ibid
[32] https://www.ikim.gov.my/realiti-ekonomi-umat-islam/ carian pada 30 januari 2025

dan India 7%. Manakala aspek pemilikan asset harta pula menunjukkan perkara sama iaitu 74.3% mereka yang tidak memiliki asset hartanah ialah etnik Melayu (Bumiputera) berbanding dengan etnik Cina sebanyak 16.8% dan etnik India sebanyak 9%.[33]

Bagi menilai secara mendalam usaha-usaha yang telah dilakukan oleh LZNK, dalam membantu meningkatkan ekonomi umat Islam khususnya di negeri Kedah, kajian ini akan difokuskan kepada analisis agihan zakat kepada asnaf *fi sabīlillah* di Negeri Kedah dan empat negeri terpilih.

## 1.4 Persoalan Kajian

Daripada pernyataan-pernyataan masalah yang telah dinyatakan di atas, maka kajian ini menggariskan beberapa soalan kajian berhubung pendefinisian asnaf *fi sabīlillah*, serta siapakah yang dimaksudkan dengan asnaf *fi sabīlillah* menurut pandangan-pandangan ulama. Persoalan sejarah latar belakang LZNK serta perkembangan dalam agihan zakat kepada asnaf *fi sabīlillah* yang telah dilakukan oleh LZNK. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

i. Adakah *fi sabīlillah* hanya merujuk kepada peperangan di medan perang sahaja atau adakah ia meliputi usaha dakwah dan amal kebajikan yang lain serta bagaimanakah asnaf *fi sabīlillah* yang diamalkan di LZNK dan empat negeri terpilih mengikut zon iaitu Selangor, Kelantan, Johor dan Sabah?

---

[33] Abdul Muqit Muhammad, Awang Azman Awang Pawi&Muhammad Tawfik, (2024). ***Keterancaman Melayu: Analisis Konsep Dan Faktor Pendorong.*** Jurnal Melayu Sedunia Vol,7, ISSUE 1, 2024, hlm.182-196.

ii. Bagaimanakah proses penubuhan LZNK yang melibatkan pihak berkuasa negeri dan umat Islam di negeri Kedah dan apakah sejarah pentadbiran serta agihan kepada asnaf *fi sabīlillah* di LZNK?

iii. Apakah skim-skim bantuan kepada asnaf *fi sabīlillah*, yang dilaksanakan di LZNK dan empat negeri terpilih iaitu Selangor, Kelantan, Johor dan Sabah?

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

i. Membahaskan pandangan ulama berkaitan pendefinisian asnaf *fi sabīlillah* serta kedudukannya dalam perspektif Islam serta mengkaji asnaf *fi sabīlillah* yang diamalkan di LZNK dan empat negeri terpilih mengikut zon iaitu Selangor, Kelantan, Johor dan Sabah?

ii. Menyelidik bagaimana proses penubuhan LZNK yang melibatkan pihak berkuasa negeri dan umat Islam di negeri Kedah serta mengkaji sejarah pentadbiran dan agihan kepada asnaf *fi sabīlillah* di LZNK.

iii. Menganalisis skim-skim bantuan kepada asnaf *fi sabīlillah* yang dilaksanakan di LZNK dan perbandingan secara ringkas dengan empat negeri terpilih iaitu Selangor, Kelantan, Johor dan Sabah.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ianya dapat memberi manfaat yang sangat besar dan menjadi bahan rujukan khususnya kepada agensi pengurusan zakat negeri-negeri, institusi pengajian tinggi, pengkaji-pengkaji berkaitan zakat, institusi fatwa dan juga masyarakat awam seperti berikut:

i. Hasil kajian ini dapat memberi sumbangan dalam bidang ilmu dan menambahkan lagi khazanah literatur dalam bidang zakat yang menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji dalam bidang zakat khususnya pelajar-pelajar universiti dan institusi fatwa.

ii. Hasil kajian ini menjelaskan secara terperinci sejarah latar belakang penubuhan dan pentadbiran LZNK. Kajian ini sangat berguna dan memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji serta pelajar-pelajar universiti.

iii. Hasil kajian ini juga akan dapat melengkapkan lagi kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini dalam menambahkan lagi input-input berkaitan agihan khususnya kepada asnaf *fī sabīlillah*. Hal ini kerana kajian ini memberikan cadangan-cadangan yang bersesuaian dengan keadaan semasa dalam usaha penambahbaikan dalam agihan zakat.

iv. Kajian ini dijalankan secara mendalam dengan menggunakan metodologi yang diyakini dengan disokong oleh data-data sebenar dari lapangan dapat dijadikan asas untuk membantu institusi-institusi zakat di negeri-negeri seluruh negara dalam menilai semula skim-skim dalam agihan yang ditawarkan kepada asnaf bersesuaian dengan keadaan semasa.

v. Apabila zakat diuruskan secara dinamik, sistematik dan teratur disesuaikan pula dengan evolusi perubahan dan kemajuan tamadun manusia, ia mampu mengeluarkan masyarakat dari kemelut kemiskinan yang tiada kesudahan. Justeru kajian ini penting untuk memberikan idea-idea dan pandangan-pandangan alternatif kepada pihak kerajaan dalam merangka dan menggubal polisi dalam usaha membasmi kemiskinan.

## 1.7 Skop Kajian

Tujuan skop kajian ini dibuat adalah untuk memfokuskan kepada asnaf *fi sabīlillah* sahaja dengan mengkaji bentuk-bentuk agihan yang telah diberikan. Cadangan-candangan penambahbaikan berbentuk semasa sesuai dengan keadaan juga akan diberikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika dilihat kepada penafsiran *fi sabīlillah* yang sangat luas ini, mampu memberi impak yang sangat besar kepada sistem sosial dan ekonomi ummah jika diuruskan dengan baik dan berkesan. Perkara ini juga bertepatan dengan penafsiran asnaf *fi sabīlillah* yang menjadi amalan LZNK.

LZNK dipilih sebagai lokasi kajian adalah berasaskan kepada tiga aspek utama iaitu LZNK adalah merupakan satu-satunya institusi zakat yang terbeza dengan institusi zakat di negeri-negeri lain. Hal ini dikatakan demikian kerana LZNK adalah badan pengurus zakat yang berasingan daripada Majlis Agama Islam Negeri dengan diletakkan terus di bawah Tuanku Sultan Negeri Kedah. Selain itu LZNK adalah merupakan salah satu institusi zakat yang menjadi rujukan bertaraf antarabangsa, membabitkan beberapa buah negara seperti Thailand, Nigeria, Uganda, Ghana dan Indonesia telah mengikuti program *Kedah International Zakat Academy* (KEIZA)[34].

Lokasi ini menjadi pilihan pengkaji juga kerana LZNK juga antara institusi zakat yang sangat proaktif dalam membantu ekonomi asnaf. Bukan setakat itu, LZNK juga menunjukkan peningkatan kutipan zakat yang sangat ketara iaitu sebanyak RM196,118,678.82 pada tahun 2019, dan berlaku peningkatan kepada RM217,913,020.82 atau 11.1% pada tahun 2020. Hal ini juga berlaku dalam

[34] https://www.kedah.gov.my/pengurusan-zakat-kedah-diperakui-dunia/ Carian dibuat pada 3 Jun 2021.

pengagihan iaitu sebanyak RM134,943,608.00 pada tahun 2017 dan berlaku peningkatan pada tahun 2018 sebanyak 11.25% iaitu RM150,118,599.00,[35] sedangkan negeri Kedah berada di tangga ke 13 dalam Keluaran Negara Kasar perkapita negeri.[36] Keadaan ini menarik minat penulis untuk mengkaji secara mendalam apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak LZNK dalam membantu mengimbangi jurang ekonomi umat Islam di negeri Kedah.

Selain itu, fokus kajian ini juga hanya melibatkan skim-skim bantuan kepada asnaf *fi sabīlillah* sahaja iaitu dari tahun 2015 sehingga tahun 2020. Ini kerana tahun 2015 merupakan tahun bermulanya kuatkuasa Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah 2015 (ELZNK2015). Walau bagaimanapun, turut dikaji juga skim-skim bantuan kepada asnaf *fi sabīlillah* di empat negeri terpilih mengikut zon, iatu Selangor, Kelantan, Johor dan Sabah. Kajian yang melibatkan skim-skim bantuan yang disediakan bagi tahun 2019 dan 2020 sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian bagi empat negeri tersebut hanya secara ringkas sebagai sokongan kepada kajian yang dijalankan di LZNK.

## 1.8 Sorotan Kajian Lepas

Kajian literatur bagi sesebuah kajian sangat penting untuk memahami topik sesuatu kajian yang dijalankan, memahami apa yang telah dikaji dan yang belum dikaji, bagaimana kajian yang berkaitan dengan topik kajian yang akan dijalankan serta

---

[35] https://www.zakatkedah.com.my/statistik-agihan/. Carian dibuat pada 3 Jun 2021.
[36] https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Senarai_negeri_Malaysia_mengikut_KDNK. Carian pada 14 September 2024.

mengenalpasti kunci utama sesuatu isu.[37] Sorotan kajian lepas bagi kajian ini dilakukan berasaskan kepada empat tema utama iaitu:

i. Penulisan fiqh berkaitan zakat
ii. Kajian berkaitan asnaf *fi sabīlillah*
iii. Kajian berkaitan LZNK
iv. Kajian berkaitan kesan agihan kepada asnaf

### 1.8.1 Penulisan Fiqh Berkaitan Zakat

Pada dasarnya penulisan atau kajian berkaitan zakat telah banyak dilakukan oleh ulama-ulama silam dan kontemporari. Jika dahulu, perbahasan zakat hanya berkisar kepada hukum hakam zakat sahaja, namun hari ini kajian-kajian yang telah dihasilkan telah keluar dari lingkungan hukum, malah telah melihat dari sudut pandang yang sangat luas. Jika dahulu perbahasan masalah zakat dianggap sebagai sebahagian masalah fiqh sahaja, namun penulisan tentang zakat hari ini telah mengalami banyak perubahan dan perkembangan selaras dengan perubahan dan perkembangan zaman. Zakat tidak lagi dinilai dari sudut ibadah sahaja bahkan sudah dilihat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial. Yūsuf al-Qardawi umpamanya, telah memisahkan perbahasan zakat sebagai sebahagian daripada bidang ilmu, sebaliknya meletakkan perbahasan zakat dengan sudut perbincangan yang sangat luas.[38]

Banyak karya telah ditulis oleh ulama silam dan juga ulama kontemporari yang membincangkan secara khusus berkaitan permasalahan zakat. Muhyi al-Din Abu

---

[37] Chris Hart, (2005). ***Doing a Literature Revieu*** (London: SAGE Publication, 2005), 1.
[38] Ysuf Abdullah, (2015). ***Pelaksanaan Kutipan Dan Agihan Zakat Di Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Kerinci Indonesia***. Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pangajian Islam Universiti Malaya.

Zakariyya ibn Yahyā ibn Sharf al-Nawāwī[39] contohnya, antara ulama yang sangat terkenal membahaskan di dalam kitabnya yang berjudul *al-Majmu` Syarh al-Muhaẓab*. Di dalam karya ini, beliau telah membincangkan secara jelas dan terperinci berkaitan hukum-hakam zakat bermula dari kewajipan dan pensyariatan berzakat, golongan yang diwajibkan berzakat dan golongan yang berhak menerima zakat yang dilihat dari sudut fiqh.

`Abd Rahman al-Jaziri[40] juga membincangkan mengenai zakat di dalam kitabnya iaitu *Fiqh Alā Mazāhib al-Arba`ah*. Beliau turut mengkaji dan membahaskan hukum hakam zakat dari pandangan mazhab empat iaitu Mazhab Syafie, Hanafī, Malikī dan Hanbalī. Di dalam penulisannya, beliau turut menyentuh perkara-perkara berkaitan syarat zakat, asnaf zakat dan juga golongan-golongan yang diwajibkan berzakat.

Wahbah al-Zuhayli[41] juga turut sama membahaskan hukum-hukum fiqh berkaitan dengan permasalahan-permasalahan ibadah yang wujud dalam Islam. Antara perkara yang dibahaskan di dalam bukunya bertajuk *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* ialah berkaitan dengan ibadah zakat. Beliau membahaskan secara panjang lebar dan terperinci dengan mendatangkan dalil-dalil syarak dan juga pandangan-pandangan ulama kontemporari dari empat mazhab.

---

[39] al-Nawawī Abu Zakariyya Muhyi al-Din ibn Syarf, (2010). A***l-Majmu` Syarh al-Muhaẓab***. Jil.5, Beirut: Dār al-Fikr, hlm 325.

[40] `Abd Rahmān al-Juzayri, (2000). ***Kitāb al-Fiqh `ala-Maẓahib al-Arba`ah***. Kaherah: Maktabah al-Thaqafi al-Azhar. jil.1, hlm. 474.

[41] Al-Zuhayli Wahbah, (1996). A***l-Fiqh al-Islami wa Adillatuh***. Jil.3. Damsyik: Dār al-Fikr.

Yūsuf al-Qardawi [42] melalui bukunya berjudul *Fiqh al-Zakāt*, juga membicarakan mengenai jenis-jenis zakat yang terdapat di dalam syariat Islam. Di dalam perbahasannya, beliau membawa pendapat-pendapat *fuqaha* yang berkaitan, namun begitu, setiap hujah dan pandangan yang dibawa, beliau tidak terikat dengan mana-mana pendapat *fuqaha,* namun penghujahan beliau cenderung kepada pendapat yang berhujah dengan dalil yang lebih kuat dan lebih *rajeh* (tepat).

Mahmood Zuhdi Abd Majid[43] dalam bukunya yang berjudul Pengurusan Zakat, telah membahaskan berkaitan peranan atau fungsi zakat sebagai satu sistem perbelanjaan. Beliau menekankan dalam penulisannya betapa pentingnya peranan zakat dalam sistem perbelanjaan, bukan sahaja dilihat dari sudut ekonomi tetapi pelaksanaannya adalah berkonsepkan ibadah. Selain itu, beliau juga membahaskan berkaitan pandangan-pandangan *fuqaha* yang berselisih pendapat dalam sesuatu isu yang berkaitan dengan hukum hakam zakat.

Seterusnya terdapat juga penulisan berkaitan dengan zakat yang dilihat dari sudut fatwa-fatwa fiqh dari pandangan pelbagai mazhab. Kajian ini memberi keutamaan kepada fatwa-fatwa yang berkait dengan *maqasid syariah*, contohnya Azri Bhari [44] dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Fatwa Zakat Di Malaysia dari Perspektif *Maqasid Syariah* yang memfokuskan kepada prinsip-prinsip *maqasid* yang menjadi pertimbangan dalam menentukan fatwa-fatwa berkaitan zakat. Fatwa-fatwa yang dipilih hanyalah fatwa yang diputuskan oleh institusi fatwa dan khusus kepada

---

[42] Al-Qardawi Yūsuf, (2004). ***Fiqh al-Zakāh***. Beirut: Muassasah al-Risalah.
[43] Mahmood Zuhdi Abd. Majid, (2003). ***Pengurusan Zakat***. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
[44] Azri Bhari, (2016). ***Analisis Fatwa Zakat di Malaysia Dari Perspektif Maqasid Syariah***: Akademi Pegajian Islam Universiti Malaya.

fatwa yang telah diwartakan sahaja. Dalam kajian ini, penulis telah mengklasifikasi sebanyak 191 fatwa berkaitan zakat dan mendapati sebanyak 26 fatwa tidak bersandarkan kepada mazhab Syafie. Hasil kajian mendapati terdapat fatwa-fatwa yang mengalami perubahan daripada sebelumnya hanya bersandarkan kepada mazhab Syafie sahaja. Walau bagaimanapun fatwa-fatwa tersebut telah berlaku perubahan dengan melihat kepada mazhab-mazhab lain. Penulis membuat kesimpulan bahawa pihak jawatankuasa fatwa Malaysia telahpun sedaya upaya mengambil kira dan memastikan segala fatwa yang dikeluarkan menepati kehendak *maqasid syariah* sebelum memutuskan fatwa-fatwa berkaitan zakat. *Maslahah* (kebaikan) dan *mafsadah* (keburukan) juga menjadi pertimbangan dalam menentukan sesuatu fatwa.

Sikap dan gelagat pembayar zakat juga turut dikaji untuk mengenal pasti kaedah dan cara mengatasinya. Adibah Ab Wahab[45] telah membuat kajian berkaitan sikap pembayar zakat yang terdiri daripada syarikat-syarikat tersenarai awam. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi syarikat-syarikat tersenarai awam dalam membayar zakat. Hasil kajian ini mendapati daripada 817 syarikat yang yang sahamnya patuh syariah, hanya 118 syarikat yang sahamnya dimiliki oleh pemilik muslim melebihi 30%. Tetapi hanya 17 syarikat sahaja yang membayar zakat. Hal ini menunjukkan bahawa syarikat tersenarai awam yang membayar zakat sangat rendah. Hasil kajian juga mendapati terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi entiti perniagaan ini membuat keputusan untuk membayar zakat iaitu gerak kerja institusi zakat dalam kempen dan pendekatan yang diambil. Manakala faktor kedua ialah tindakan pihak kerajaan dan inisiatif syarikat sendiri dalam

---

[45] Adibah Ab Wahab, (2016). ***Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat di Syarikat Tersenarai Awam Di Malaysia***. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

membuat keputusan untuk membayar zakat. Kajian ini lebih fokus kepada sikap atau *trend* kutipan zakat dari syarikat besar yang tersenarai di Bursa Malaysia sebaliknya tidak menyeluruh kepada syarikat-syarikat besar yang tidak tersenarai.

Muhammad Ikhlas Rosele[46] telah membuat kajian bertajuk Isu Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam Di Malaysia. Kajian dijalankan ke atas tiga Institusi Kewanagan Islam iaitu Lembaga Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Berhad dan MAA Takaful Berhad bertujuan untuk melihat amalannya dalam pembayaran zakat. Dalam kajian ini, penulis telah menjelaskan konsep syarikat sebagai *legal entiti* dari sudut perundangan sivil dan juga syariat Islam. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *legal entiti* mempuyai asas dalam syariat Islam dengan nama *"syakhsiyyah `itibāriyyah"*. Konsep inilah yang menjadi asas utama dalam menentukan kewajipan ke atas Institusi Kewangan Islam untuk membayar zakat. Kajian juga mendapati terdapat tiga prinsip utama mewajibkan sesebuah Institusi Kewangan untuk mengeluarkan zakat iaitu percampuran harta (*zakat al-khultah*), rangkuman harta dan kesuburan harta (*al-nama`*). Atas prinsip inilah Lembaga Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Berhad dan MAA Takaful membayar zakat. Hasil kajian juga mendapati TH dan BIMB membayar zakat atas asas perniagaan manakala MAA Takaful membayar zakat atas asas pendapatan. Beberapa cadangan turut diberikan bagi membantu menyelesaikan beberapa isu dan persoalan yang timbul bagi meningkatkan lagi amalan pembayaran zakat dari Institusi Kewangan Islam di Malaysia.

---

[46] Muhammad Ikhlas Rosele, (2016). ***Isu Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam Di Malaysia***, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Muhibbuddin Abdullah[47] telah membuat kajian bertajuk Prinsip-Prinsip Agihan Zakat dan Pelaksanaannya di Negeri Selangor. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji asas-asas penetapan agihan zakat berpandukan al-Quran, al-Sunnah dan fiqh Islami dan juga mengkaji penetapan prinsip agihan zakat yang diamalkan di Lembaga Zakat selangor. Setelah kajian dijalankan, hasil kajian mendapati bahawa Lembaga Zakat Selangor telah menggunakan ijtihad-ijtihad baru bersandarkan kepada al-Quran dan al-sunah bagi tujuan memantapkan lagi pengagihan zakat di negeri Selangor. Justeru negeri Selangor telah berjaya mengaplikasikan prinsip-prinsip agihan dengan baik dan berkesan, namun masih ada ruang-ruang yang boleh ditambah baik dalam sistem agihan supaya ianya lebih teratur dan berkesan. Penulis turut memberi cadangan agar Lembaga Zakat Selangor memberi tumpuan yang lebih kepada asnaf fakir dan miskin supaya hidup mereka terus terpelihara dalam mendepani cabaran ekonomi yang sangat menekan. Manakala kepada asnaf *al-riqāb* pula, perlu diberi perhatian supaya mereka dapat keluar dari belenggu maksiat dan masalah sosial.

Terdapat juga kajian yang dijalankan bertujuan melihat kesan agihan zakat terhadap asnaf dalam usaha membasmi kemiskinan. Kajian ini telah dijalankan oleh Rahisham Ramli dan Patmawati Ibrahim[48] di Negeri Sembilan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur dan menilai semula keberkesanan agihan zakat dalam usaha membasmi kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan penerima zakat di kalangan fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Dapatan kajian membuktikan bahawa agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAINS sangat berkesan dalam usaha

---

[47] Muhibbuddin ``Abdullah, (2017). ***Prinsip-Prinsip Agihan Zakat Dan Pelaksanaannya di Negeri Selangor***, Universiti Teknologi Malaysia.
[48] Rahisam Ramli & Patmawati Ibrahim, ***Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan Di Negeri Sembilan***, (2010). Persidangan Kebangsaaan Ekonomi Malaysia Ke V 2010.

mengurangkan kadar kemiskinan, menurunkan jurang kemiskinan, mengecilkan purata jurang kemiskinan dan berjaya memperbaiki nisbah jurang pendapatan. Begitu juga dengan analisis ketidakseimbangan agihan pendapatan yang dilakukan. Beliau mendapati keluk *lorenz* semakin menghampiri garisan keseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan masyarakat miskin di Negeri Sembilan. Kesimpulan yang dapat dibuat dari kajian ini adalah terbukti skim-skim agihan zakat yang telah dilaksanakan di MAINS telah berjaya memperbaiki asnaf zakat fakir dan miskin serta dapat mengimbangi jurang kemiskinan.

Sanep Ahmad[49] telah membuat kajian untuk melihat kemungkinan masih terdapat ruang yang boleh mengembangkan lagi bentuk agihan zakat kepada asnaf. Kajian yang bertajuk Agihan Zakat Merentasi Asnaf telah dijalankan untuk mengkaji dan menilai bentuk-bentuk agihan zakat yang berkemungkinan masih boleh dikembangkan dalam bentuk-bentuk dan skim-skim yang lain dari yang biasa. Contohnya agihan zakat diberikan dalam bentuk pinjaman dan kemungkinan zakat boleh diberikan kepada bukan asnaf yang layak melalui proses agihan merentasi asnaf. Dalam kajian ini penulis telah membahaskan pandangan-pandangan fuqaha bagi menjelaskan hikmah-hikmah pensyariatan zakat kepada umat. Kajian mendapati zakat boleh diperluaskan lagi peranannya menerusi pelaksanaan agihan zakat merentasi asnaf, seterusnya zakat boleh menjadi salah satu sumber dana mikrokredit. Hal ini dikatakan demikian kerana zakat memiliki banyak kelebihan iaitu boleh menjadi sumber pinjaman, sama ada pinjaman yang bersifat percuma ataupun pinjaman berbentuk *qard al hassan*, atau pinjaman dengan sedikit bayaran perkhidmatan (*ajr*).

---

[49] Sanep Ahmad, (2009). ***Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat***. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV). Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekitaran Global, Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009.